

Kuala Lumpur: Universiti Putra Malaysia (UPM) kini menjadi rakan akademik syarikat multinasional, AECOM Technology Corporation (AECOM) mempunyai rangkaian lebih 130 negara.

Penyarah universiti itu akan melakukan penyelidikan membabitkan pelan masa depan yang dirancang oleh AECOM terutama dalam bidang kesejahteraan bandar, menerusi memorandum persefahaman (MoU) yang dimeterai, baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri dan Masyarakat UPM, Prof Dr Tai Shzee Yew, berkata pelajar UPM juga akan mendapat manfaat apabila berpeluang mengikuti latihan industri dengan syarikat itu.

Katanya, UPM juga menjadi rakan penyelidik kepada AECOM dalam bidang reka bentuk dan seni bina.

Komersial penyelidikan
"MoU ini menandakan permulaan yang menarik untuk masa depan buat penyelidikan dan pembangunan (R&D), pengajaran dan pembelajaran serta inovasi dan pengkomersialan.

"Sebagai universiti penyelidikan, UPM yang mempunyai kepakaran dalam bidang pertanian bersedia membantu membangunkan bandar lestari

UPM rancang bangun bandar lestari

dari di negara sedang membangun," katanya ketika berucap sebelum majlis menandatangani MoU dengan AECOM di sini, baru-baru ini.

MoU itu disaksikan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin.

Dalam MoU itu, AECOM diwakili Pengurus Korporat untuk Malaysia, Ng Hong Seng, manakala UPM diwakili Shzee Yew sendiri.

Hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Ahmad Phesal Talib dan Pengarah Urusan Perancangan, Reka Bentuk dan Pembangunan Asia AECOM, Scott Dunn.

Menang-menang

Terdahulu dalam ucapannya, Raja Nong Chik berkata, dua masalah besar yang dihadapi sekarang ialah membina satu rangka kerja pendidikan yang kukuh.

"Menyedari kepentingan pendidikan dan latihan, kerajaan berbelanja besar dalam semua sektor pendidikan untuk memenuhi keperluan tenaga kerja yang memainkan peranan penting

dalam usaha Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

"Kerjasama AECOM dan UPM akan memberi impak menang-menang kepada kedua-dua pihak dalam membangunkan rangka kerja dan konsep menerusi penyelidikan, forum serta pertukaran kepakaran," katanya.

“

UPM PAKAR DALAM BIDANG PERTANIAN SEDIA MEMBANTU MEMBANGUNKAN BANDAR LESTARI DI NEGARA SEDANG MEMBANGUN"



Shzee Yew (kanan) bertukar dokumen MoU dengan Hong Seng (dua dari kiri) sambil diperhatikan Raja Nong Chik dan Dunn.